

AXCEL FUSIDIC ACID CREAM

Fusidic acid (micronised) (2% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Fusidic Acid Cream.
2. Bagaimana Axcel Fusidic Acid Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Fusidic Acid Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Fusidic Acid Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fusidic Acid Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Fusidic Acid Cream

Axcel Fusidic Acid digunakan untuk merawat keadaan kulit yang dijangkiti oleh kuman (bakteria).

Bagaimana Axcel Fusidic Acid Cream berfungsi

Axcel Fusidic Acid Cream mengandungi *fusidic acid*. Ia merupakan sejenis antibiotik. *Fusidic acid* berfungsi dengan membunuh kuman (bakteria) yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid Cream

– Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Fusidic Acid Cream:

- Jika anda alergi *terhadap fusidic acid* atau mana-mana bahan kandungan lain ubat ini yang disenaraikan di bahagian akhir risalah ini.
- Jika anda mengandung, anda fikir anda mengandung atau sedang menyusukan anak, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini. Beritahu doktor anda jika anda didapati mengandung semasa menggunakan ubat ini.
- Anda tidak boleh menggunakan ubat anda untuk masa yang lama atau dalam jumlah yang banyak.

– Sebelum menggunakan Axcel Fusidic Acid Cream

Sebelum anda mengguna Axcel Fusidic Acid Cream anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda alergi pada ubat-ubatan.
- Jika anda mengambil ubat-ubatan lain (termasuk yang tidak dipreskripsikan oleh doktor anda).
- Jika anda menggunakan cream pada jangka masa yang panjang, ia boleh membawa kepada masalah daya tahan .

– Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Fusidic Acid Cream dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel Fusidic Acid Cream

– Berapa banyak harus digunakan

Krim ini hanya bagi penggunaan luaran sahaja. Sapu krim dengan lapisan yang nipis pada kawasan yang terkena jangkitan 2 hingga 3 kali sehari.

– Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengguna Axcel Fusidic Acid Cream.

– Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

– Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Guna dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengguna dos seterusnya pada masa biasa. Jangan guna dos

berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

– Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Axcel Fusidic Acid Cream

– Perkara yang perlu dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Fusidic Acid Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

– Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Fusidic Acid Cream dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.
- Jangan biarkan Axcel Fusidic Acid Cream bersentuhan dengan mata anda.

– Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan krim topikal yang berulang mungkin mengakibatkan kelemahan pertahanan.
- Berhati-hati semasa memandu dan mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana

AXCEL FUSIDIC ACID CREAM

Fusidic acid (micronised) (2% w/w)

Axcel Fusidic Acid Cream memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Fusidic Acid Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

- Ruam.
- Iritasi.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menyedari apa-apa lagi yang membuat anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers -> Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Fusidic Acid Cream

– Penyimpanan

Jauhkan Axcel Fusidic Acid Cream daripada kanak-kanak.

Simpan dalam suhu tidak melebihi 25°C. Pastikan bekas ubat ditutup rapat dan lindungi dari cahaya.

– Pelupusan

Jangan guna Axcel Fusidic Acid Cream yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

– Rupa dan warna produk

Axcel Fusidic Acid Cream berwarna putih dan merupakan krim larut air.

– Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Fusidic Acid.

Bahan Tidak Aktif:

Dehydag Wax “0”, Cremophor A6, Cremophor A25, Liquid Paraffin, Chlorocresol, Propylene Glycol, Vitamin E (dl-alpha-tocopherol), Butylated Hydroxytoluene, Purified Water.

– Nombor MAL

MAL19992397AZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

KOTRA PHARMA (M) SDN BHD

No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,

Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/05/2016

Nombor siri

BPFK(R4/1)260416/00123